

28 MAY 1996

Razaleigh-Umno (Bergambar)

KU LI JELAJAH SELURUH NEGARA DAPATKAN PERSETUJUAN ANGGOTA S46

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau akan menjelajah ke seluruh negara selama dua hingga tiga bulan bagi mendapatkan persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga anggota S46 sebelum parti itu dibubarkan bagi membolehkan mereka menyertai Umno beramai-ramai.

"Jika boleh, saya mahu kesemua 400,000 anggota S46 di seluruh pelusuk negara merestui kepulauan kita ke pangkuan Umno," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Global Cafe, sebuah restoran yang dilengkapi kemudahan Internet atau perkhidmatan lebuhraya maklumat antarabangsa bagi pelanggannya.

Restoran itu dimiliki World Cafe Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan yang berkongsi dengan Global Cafe Ltd dari Britain.

Tengku Razaleigh berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Timbalan Presiden Umno, supaya S46 jangan tunggu lama-lama membuat keputusan memasuki parti itu.

Tengku Razaleigh berkata setakat ini dua negeri sudah dikunjunginya termasuk Kelantan bagi mendapatkan pandangan dan sokongan anggota parti tentang hasrat memasuki semula Umno itu.

Katanya beliau belum berpeluang menemui Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana beliau (Dr Mahathir) baru pulang dari lawatan ke luar negara untuk membincangkan mengenai isu kepulauan anggota S46 ke pangkuan Umno.

Razaleigh berkata: "Saya tidak akan menyertai Umno sehingga setiap anggota S46 berpendapat masanya sudah sampai untuk masuk Umno."

Beliau berkata pendapat, pandangan dan cadangan balas daripada anggota parti perlu diperolehi sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Ini kerana kita ada ramai anggota dan sudah pasti mereka mempunyai pandangan yang berlainan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini lebih 50 peratus daripada anggota parti menyokong hasrat untuk menyertai semula Umno demi perpaduan bangsa Melayu.

Mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa adalah lebih baik bagi S46 segera menyertai Umno, Razaleigh berkata: "Nik Aziz adalah seorang yang panas baran dan kadang-kadang beliau tidak fikir sangat apa yang dicakapnya."

Mengenai dakwaan Nik Aziz bahawa sudah banyak anggota S46 menyertai Pas, beliau berkata: "Saya ingin ucapkan tahniah di atas kerja baru Menteri Besar Kelantan itu kerana kejayaannya mengumpulkan anggota S46 masuk Pas. Saya harap jangan pula terlalu ramai orang Pas yang tinggalkan parti itu kelak."

Razaleigh juga kurang senang dengan kenyataan Nik Aziz yang menganggap Timbalan Menteri Besar Datuk Rozali Isohak banyak membuat kenyataan yang mendedahkan rahsia pentadbiran kerajaan negeri.

Presiden S46 itu berkata beliau tidak fikir ada perkara yang boleh ditafsirkan sebagai "rahsia" kerana segala yang dilakukan untuk kepentingan rakyat perlu diumumkan jika sesebuah kerajaan itu mahu diterajui secara terbuka, apatakah lagi di bawah pemerintahan Islam.

Beliau berkata Rozali bebas bercakap kerana bukan dasar parti itu mengongkong anggotanya daripada bersuara.

-- BERNAMA

ZAB AKD